

02 MAR 2001

Pertanian

MODUL PERTANIAN KEDAH AKAN DIBAWA KE SABAH

SUNGAI PETANI, 2 Mac (Bernama) -- Sabah bersungguh-sungguh untuk menerapkan modul pertanian negeri Kedah sebagai kaedah pertanian di negeri itu.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan Pertanian dan Industri Pemakanan Sabah Datuk Abidin Madingkir berkata, beberapa projek pertanian di negeri Kedah sesuai untuk Sabah dalam usaha kerajaan meningkatkan pengeluaran makanan di negeri itu.

"Kami berminat dan bersungguh-sungguh untuk menyuntik teknologi pertanian ke Sabah hasil daripada dua lawatan kerja delegasi Menteri Pertanian Sabah ke negeri ini bagi meninjau prospek pertanian," katanya kepada pemberita selepas melawat projek tanaman sayur Ladang Satelit Gurun, dekat sini.

Abidin mengiringi Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Lajim Okim untuk lawatan kerja kali kedua bagi meninjau projek-projek tanaman sayuran, buah-buahan dan ternakan kambing tenusu di negeri ini.

Kali pertama, Lajim yang juga Menteri Pertanian Sabah melakukan lawatan kerja ke negeri Kedah pada awal tahun lepas dengan meninjau projek-projek tanaman padi untuk diterapkan ke negeri Sabah.

"Lawatan kali kedua ini juga adalah atas cadangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mahukan Sabah melihat sendiri industri barangan berasaskan susu kambing," katanya lagi.

Semalam Lajim dan Abidin telahpun melawat ke ladang ternakan kambing tenusu dan kilang memproses barangan seperti sabun, bahan komestik dan makanan kesihatan berasaskan susu kambing hasil usaha sebuah syarikat tempatan di negeri ini.

Abidin berkata, hasil perbincangan selanjutnya dengan syarikat itu nanti, Sabah mungkin akan menandatangani perjanjian persefahaman untuk usahama projek itu di sana.

Selain itu, kaedah pertanian tanaman sayur-sayuran di Ladang Satelit Gurun akan dijadikan contoh untuk projek tanaman sayuran di Papar selewat-lewatnya pada tahun hadapan.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Datuk Zainol Md Isa berkata, Jawatankuasa Pertanian Negeri Kedah akan membuat lawatan susulan ke negeri Sabah tidak lama lagi bagi meninjau projek-projek usahasama yang boleh dimanfaatkan.

Beliau berkata, Ladang Setelit Gurun bakal menjadi jelapang sayur di negeri ini apabila sebuah pusat pengumpulan dan pemasaran sayuran dibina di kaki Gunung Jerai.

Ladang itu yang seluas 97.8 hektar melibatkan 121 peserta di kawasan kampung-kampung yang berhampiran Gunung Jerai seperti Kampung Jelatang, Kepala Bukit, Banggol Lalang dan Guar Nanas.

Projek itu yang bermula secara intensif pada awal tahun ini mampu memberi pendapatan sebanyak RM1,000 sebulan kepada setiap peserta yang terlibat.

Zainol berkata, projek dusun durian berkelompok di Kampung Titi Teras yang ditanam di lereng-lereng kaki Gunung Jerai juga menarik minat delegasi pertanian dari Sabah itu.

-- BERNAMA

MNH JM RI